

## PENCEGAHAN PENULARAN VIRUS CORONA (COVID-19) MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Azizan bin Abdul Rahman<sup>i</sup> & Nurwati Ashikkin binti Ahmad Zaluki<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author), Penyelidik, Universiti Sains Malaysia. darulmuafa@gmail.com

<sup>ii</sup> Profesor Madya, Universiti Utara Malaysia (UUM). nurwati@uum.edu.my

### Abstrak

*Pandemik virus corona (COVID-19) merupakan ancaman yang amat ditakuti oleh manusia pada masa kini. Ini kerana wabak berkenaan boleh meragut jutaan nyawa manusia tanpa mengira latar belakang dan keturunan. Artikel ini membincangkan tentang pencegahan penularan COVID-19 yang telah dilaksanakan oleh pemerintah dan tanggungjawab sosial menurut perspektif Islam, berdasarkan prinsip maqasid syari'ah. Kelebihan pencegahan berbanding pengubatan dan ujian saringan sebagai pencegahan penularan rantai COVID-19 juga dibincangkan. Perbincangan di dalam artikel ini adalah berdasarkan maklumat sekunder yang diperolehi daripada media massa, kitab-kitab agama dan laman-laman sesawang. Artikel ini mendapati pencegahan penularan COVID-19 adalah tergolong dalam prinsip al-Daruriyat, iaitu memelihara nyawa. Sebagai pemerintah, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan memelihara nyawa masyarakat bagi memastikan rakyat hidup dalam keadaan aman dan tenteram. Salah satu tanggungjawab pemerintah yang telah dilaksanakan ialah dengan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Manakala, mematuhi arahan untuk sentiasa berada di rumah merupakan tanggungjawab sosial yang perlu dilakukan bagi mencegah penularan COVID-19. Ini kerana mencegah jangkitan virus corona adalah lebih baik daripada berusaha untuk menyembuhkannya. Setiap individu digalakkan untuk membuat ujian saringan di pusat-pusat kesihatan yang telah disediakan. Manakala, individu yang didapati positif COVID-19 perlu dikuarantin dan menjalani pemulihan di unit-unit rawatan pesakit. Melalui ujian saringan tersebut pencegahan rantai COVID-19 dapat direalisasikan. Kaedah pelaksanaan kuarantin ini adalah selari dengan arahan Rasulullah SAW supaya diasingkan pesakit yang positif COVID-19 dengan orang sihat.*

Kata kunci: *Pandemik, COVID-19, Penularan, Pencegahan, Kuarantin.*

### PENDAHULUAN

Penyebaran virus corona (COVID-19) bermula sejak akhir 2019 dan berkembang ke seluruh pelosok dunia sehingga menjejaskan kedudukan ekonomi dunia dan meragut ribuan nyawa manusia tanpa mengira usia, bangsa dan agama. Pada bulan Mac 2020, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mendeklarasikan COVID-19 sebagai pandemik yang mesti ditangani dengan tuntas dan serius (Sameni, 2020).

Kebanyakan negara di dunia termasuk Malaysia telah mengambil inisiatif dengan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula pada 18 Mac 2020 sebagai langkah pencegahan agar penularan wabak virus berkenaan dapat diberhentikan secepat yang mungkin. Secara amnya kaedah kuarantin yang digunakan boleh menegakkan hubungan antara orang disyaki menghidap COVID-19 dengan orang lain, bertujuan memutuskan rangkaian penularan jangkitan dalam kalangan orang awam. Sehingga 18 April 2020, Malaysia telah mencatatkan kematian seramai 88 orang akibat COVID-19, di mana seramai 2,115 masih dirawat di hospital dan 49 orang dirawat di ICU (Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia).

Pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*) merupakan suatu elemen yang sangat penting dalam agama Islam. Malah, diharuskan bagi seseorang untuk memakan bangkai jika terlalu lapar disebabkan tiada pilihan makanan, dan diharuskan untuk menurut perkataan yang kufur apabila nyawa seseorang itu terancam. Pernyataan ini menunjukkan bahawa sesuatu yang dilarang oleh syara' pada asalnya, tetapi diharuskan ketika darurat seperti yang disebutkan dalam kaedah fiqh:

"الضَّرُورَةُ تُبَيِّحُ الْحُظُورَاتِ"

Maksudnya, "Kemudaratan mengharuskan suatu yang dilarang" (al-Suyuti, 1983; al-Zarqā, 1996).


Kaedah fiqh berkenaan menjelaskan bahawa mengutamakan keselamatan nyawa adalah lebih baik daripada meninggalkan perkara yang dilarang. Untuk menangani tentang bahaya wabak COVID-19, maka kerajaan sewajarnya prihatin terhadap isu berkenaan bagi memastikan setiap nyawa rakyatnya terselamat. Sejarah telah membuktikan tentang sikap keprihatinan Saidina 'Umar bin al-Khattab terhadap isu penularan wabak taun camwas dengan menyekat kemasukan pasukan tentera kaum Muslimin ke Kota Sham (al-Nawawi, 1996; Ibn 'Asyur, 2010).

Memandangkan COVID-19 merupakan isu sosial semasa, maka artikel ini akan membincangkan tentang tanggungjawab pemerintah dan tanggungjawab sosial bagi mencegah penularan COVID-19 menurut perspektif Islam iaitu berpandukan prinsip *maqasid syari'ah*. Artikel ini akan dimulakan dengan memberi penerangan ringkas tentang *maqasid syari'ah* diikuti dengan dapatan kajian tentang tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh pemerintah dan tanggungjawab sosial bagi mencegah penularan

COVID-19. Artikel ini kemudiannya akan membincangkan tentang pencegahan penularan COVID-19 menurut *maqasid syari'ah*, kepentingan pencegahan serta ujian saringan sebagai pencegahan penularan rantai wabak tersebut. Bahagian penutup akan memberi ringkasan tentang artikel ini.

### **MAQASID SYARI'AH DAN PEMBAHAGIANNYA**

Sebelum membahaskan tentang topik pencegahan penularan COVID-19 menurut *maqasid syari'ah*, pembahagian *maqasid syari'ah* dan kedudukan COVID-19 dalam susunan berkenaan akan diperjelaskan terlebih dahulu. Ulama usul, antaranya al-Shatibi membahagikan *maqasid syari'ah* kepada tiga kategori, iaitu: (i) *al-Daruriyat* (kepentingan), (ii) *al-Hajiyat* (keperluan), dan (iii) *al-Tahsiniyat* (penambahbaikan).



*Rajah Rangkaian Maqasid Syari'ah*

Berdasarkan rajah di atas, *al-Daruriyat* bermaksud segala kehidupan manusia di dunia ini adalah bergantung kepadanya. Ini bermakna apabila kepentingan telah lenyap maka dunia seseorang itu juga akan rosak, hilang segala kenikmatannya dan mengundang azab di akhirat. Oleh itu, *al-Daruriyat* memelihara lima perkara, iaitu: (i) agama, (ii) nyawa, (iii) akal, (iv) keturunan, dan (v) harta.

*al-Hajiyat* pula bermaksud keperluan yang dihayati oleh manusia bagi mengangkat kesulitan hidup dan menolak kesukaran daripada mereka, di mana apabila keperluan telah hilang maka kehidupan manusia akan menjadi susah walaupun tidak

merosakkan kehidupannya. Manakala, *al-Tahsiniyat* bermaksud perkara yang menuntut kepada reputasi dan akhlak yang baik atau yang dimaksudkan dengannya adalah berpegang dengan adat yang baik. Skop *al-Tahsiniyat* juga mencakupi perkara ibadat, muamalat, adat dan hukuman.

Berdasarkan gambarajah di atas, secara ringkasnya dapat disimpulkan bahawa pencegahan penularan COVID-19 adalah menjurus kepada *al-Daruriyat* iaitu memelihara nyawa.

## DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan menjelaskan tentang tanggungjawab yang telah dilakukan oleh pemerintah di Malaysia bagi mencegah penularan wabak COVID-19. Selain daripada tanggungjawab pemerintah, tanggungjawab sosial juga dibincangkan.

### Tanggungjawab Pemerintah Mencegah Penularan Wabak COVID-19

Bagi mencegah penularan wabak COVID-19, kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah antaranya mengenakan PKP yang mengehadkan orang ramai bergerak sejauh 10 km dari tempat tinggal masing-masing dan tidak membenarkan pergerakan antara negeri. Pemerintah bertanggungjawab menjaga keamanan negara supaya rakyat bebas menjalankan aktiviti kehidupan dan memelihara nyawa serta harta mereka dari sebarang ancaman (al-Mawardi, 1996). Oleh itu, menjaga kemaslahatan nyawa rakyat melalui pencegahan wabak COVID-19 merupakan tugas yang amat berat. Sebagai contoh, pada tahun ke-18 Hijrah berlaku penularan wabak taun di Syam, sedangkan Saidina ‘Umar dan perajurit pada ketika itu dalam misi menuju ke Syam (al-Buti, 1991).

Sebaik tiba di Sargh (سرخ), Saidina ‘Umar bertemu dengan Abu ‘Ubaidah bin al-Jarrah yang memimpin pasukan perajurit. Di situ, Saidina ‘Umar mendapat maklumat dari Abu ‘Ubaidah tentang penularan wabak taun di bumi Syam, maka beliau memanggil para Sahabat untuk bermusyawarah sama ada misi mereka harus diteruskan ataupun berpatah balik.

Abdullah bin ‘Abbas menceritakan tentang musyawarah yang berlaku antara Saidina ‘Umar dengan golongan Muhajirin, dan dengan golongan Ansar. Majoriti para Sahabat berbeza pandangan tentang penularan wabak taun. Akhirnya, Saidina ‘Umar membuat ketetapan agar semua perajurit berpatah balik. Bagaimanapun, pandangan

beliau tersebut diprotes dan dipersoalkan oleh Abu ‘Ubaidah bin al-Jarrah yang berpendapat bahawa berpatah balik seolah-olah melarikan diri daripada ketentuan Allah. Kemudian, Saidina ‘Umar menjawab dengan tenang dan penuh hikmah, dengan katanya:

"نَعَمْ نَقَرُّ مِنْ قَدَرِ اللَّهِ إِلَى قَدَرِ اللَّهِ أَرَأَيْتَ لَوْ كَانَتْ لَكَ إِبِلٌ فَهَبَطْتَ وَادِيًا لَهُ عُذْوَتَانِ إِحْدَاهُمَا خَصْبَةٌ وَالْأُخْرَى

جَدْبَةٌ أَلَيْسَ إِنْ رَعَيْتَ الْخَصْبَةَ رَعَيْتَهَا بِقَدَرِ اللَّهِ وَإِنْ رَعَيْتَ الْجَدْبَةَ رَعَيْتَهَا بِقَدَرِ اللَّهِ"

Maksudnya, *"Ya sememangnya, kami lari dari takdir Allah menuju kepada takdir Allah yang lain. Tidakkah kamu terfikir, sekiranya kamu memiliki seekor unta kemudian kamu turun ke lembah wadi yang mempunyai dua sudut, satu daripadanya tanah subur (mempunyai rumput) dan yang lain pula kawasan yang tandus. Apakah tidak kamu membiarkan unta tersebut berada di kawasan yang subur dan menjaganya merupakan takdir Allah? Manakala, kamu memelihara unta di kawasan yang tandus dan memeliharanya juga merupakan takdir Allah?"*.

Perselisihan pendapat dari kalangan para Sahabat terus hangat diperbahaskan tanpa noktah. Apabila Abdul Rahman bin ‘Auf tiba pada tempat berkenaan dan mengikut perbualan para Sahabat, lantas beliau berkata:

{سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ

بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ }

Maksudnya, *"Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Apabila kamu mendengar berlakunya (wabak) pada sesuatu tempat maka janganlah kamu berkunjung ke situ, dan apabila kamu sudah berada di tempat berkenaan ketika ia sedang menular maka janganlah kamu keluar daripadanya"* (Hadis. Al-Bukhariyy. Bab Ma Yuzkar fi al-Ta‘un. 5728; Muslim. Bab al-Ta‘un wa al-Tiyarah wa al-Kahanah wa Nahwiha. 2219).

Mafhum hadis di atas menjelaskan bahawa kerajaan hendaklah peka terhadap suatu berita yang disampaikan berkaitan dengan wabak penyakit. Sekiranya, penyakit berkenaan serius maka langkah proaktif perlu dilakukan bagi menyekat wabak penyakit dan memastikan nyawa setiap rakyat yang berada di bawah kekuasaannya terselamat. Sehubungan dengan itu, kaedah fiqh menyebutkan bahawa:

## تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Maksudnya, “Tindakan pemerintah dalam mengendalikan urusan rakyat bergantung kepada masalah” (al-Suyuti, 1983).

Berdasarkan kepada penjelasan hadis dan kaedah fiqh di atas, melindungi setiap nyawa rakyat daripada wabak COVID-19 adalah menjadi kewajipan kepada kerajaan. Ini kerana memelihara semua nyawa rakyat daripada jangkitan wabak COVID-19 boleh dikaitkan sebagai menjaga masalah *al-Dharuriyat*.

### Tanggungjawab Sosial Mencegah Penularan Wabak COVID-19

Ibn Taymiyyah (t.t) menjelaskan bahawa kemaslahatan sosial tidak akan sempurna kecuali dengan mewujudkan kerjasama yang baik daripada semua pihak. Ini kerana mereka yang saling hidup perlu memerlukan antara satu sama lain. Untuk menangani isu penularan virus COVID-19 maka tanggungjawab sosial adalah mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah, seperti PKP iaitu berada di rumah sepanjang masa kecuali untuk memenuhi keperluan-keperluan asas, tegahan solat berjemaah dan solat jumaat di masjid, tidak mengadakan aktiviti berbentuk perhimpunan sosial dan budaya, dan sebagainya. Adalah menjadi tanggungjawab agama setiap individu dan masyarakat untuk mengambil langkah-langkah pencegahan dan mengelakkan diri dari lokasi yang dikenalpasti dan diklasifikasikan sebagai kawasan merah (*red zone*), tempat-tempat awam, termasuk masjid, agar orang yang sihat tidak dijangkiti.

PKP tidak bermaksud menyekat aktiviti sosial dan keagamaan. Akan tetapi, ia lebih bertujuan untuk menjaga masalah *al-Dharuriyat* iaitu memelihara nyawa dan mencegah penularan virus COVID-19. Apabila keadaan telah kembali menjadi pulih, maka aktiviti sosial dan keagamaan akan berjalan seperti biasa. Tindakan kerajaan menyekat aktiviti sosial dan keagamaan seperti solat berjemaah dan solat Jumaat adalah menepati dengan ruh syariat yang dibawa oleh Rasulullah SAW iaitu memberikan kemudahan dan mengangkat kesulitan. Firman Allah Ta'ala:

﴿يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ﴾

Maksudnya, “Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu” (al-Quran. al-Baqarah: 185).

Sehubungan dengan itu, Abu Hurairah meriwayatkan:

{عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ الدِّينَ يُسْرٌ وَلَنْ يُشَادَّ الدِّينَ أَحَدٌ إِلَّا غَلَبَهُ}

Maksudnya, “Dari Rasulullah SAW katanya: “Sesungguhnya agama Islam itu mudah, dan tiada seorang yang memberatkan tentang urusan agama melainkan dia akan tewas” (Hadis. Al-Bukhariyy. Bab al-Din Yusrun, wa Qawl al-Nabi SAW “Ahabbu al-Din Ila Allah al-Hanafiyah al-Samhah”. 39).

Manakala, kaedah fiqh menyebutkan:

"الْمَشَقَّةُ تَجْلِبُ التَّيْسِيرَ"

Maksudnya, “Kesukaran membawa kepada kemudahan” (al-Suyuti, 1983; al-Zarqa, 1996; al-Zuhayli, 1997).

Kaedah fiqh di atas membincangkan tentang *masyaqqah* (kesukaran) dan *rukhsah* bagi mengharuskan seseorang itu untuk bertindak menyalahi nas. Dalil al-Quran, hadis dan kaedah fiqh berkenaan menjelaskan tentang keharusan bagi umat Islam untuk tidak mendirikan solat berjemaah dan solat Jumaat kerana terdapat *masyaqqah* atau halangan iaitu penularan wabak COVID-19. Sehubungan dengan itu, al-Suyuti (1983) menjelaskan bahawa:

"تَرْكُ الْجُمَاعَةِ وَالْجُمُعَةِ بِالْأَعْدَارِ الْمَعْرُوفَةِ"

Maksudnya, “Meninggalkan solat berjemaah dan solat Jumaat (diharuskan) dengan sebab keuzuran yang termaklum”.

Justeru, al-Nawawi (1991), juga menegaskan dengan katanya:

"مِنْ الْأَعْدَارِ الْمُرَحَّصَةِ فِي تَرْكِ الْجُمَاعَةِ يُرَحَّصُ فِي تَرْكِ الْجُمُعَةِ"

Maksudnya, “Antara keuzuran yang diberikan kelonggaran bagi meninggalkan solat berjemaah, maka ianya juga menjadi kelonggaran bagi meninggalkan solat Jumaat”.

Adalah menjadi tanggungjawab sosial untuk mematuhi semua peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah supaya rakyat tidak melakukan aktiviti di luar yang boleh mendatangkan kemudaratan. Malah, meninggalkan sebahagian daripada

kewajipan keagamaan seperti solat berjemaah dan solat Jumaat pada ketika itu tidak menjadi kesalahan dan dosa kerana terdapat *masyaqqah* (al-Mawardi,1994; al-Zuhayli, 1997). Ringkasnya, apabila aktiviti keagamaan tidak dibenarkan untuk dilaksanakan di masjid, di kuil atau di gereja kerana bimbang dijangkiti wabak COVID-19, maka melakukan aktiviti sosial seperti berkumpul di tempat awam, bersukan dan bersiar-siar adalah *qiyas awla*.

## PERBINCANGAN

Pencegahan adalah antara ajaran Rasulullah SAW apabila berhadapan dengan masalah penyakit berjangkit. Islam sangat menitikberatkan keselamatan manusia bagi menghadapi situasi yang boleh menjejaskan kehidupan serta mengancam nyawanya. Maka, bahagian ini akan membincangkan tentang pencegahan penularan COVID-19 menurut *maqasid syari'ah* serta membincangkan tentang kepentingan pencegahan adalah lebih baik dari pengubatan. Ujian saringan yang dilakukan sebagai pencegahan penularan rantaian COVID-19 juga dibincangkan di bahagian ini.

### Pencegahan Penularan COVID-19 Menurut *Maqasid Syari'ah*

Berpandukan kepada huraian ringkas yang telah dibuat di bahagian pendahuluan tentang *maqasid syari'ah*, maka pencegahan penularan COVID-19 adalah diutamakan sebagai memelihara nyawa. Justeru, menjadi prioriti kepada pihak pemerintah bagi memastikan supaya nyawa setiap rakyatnya terselamat, dan mengawasi pergerakan sosial agar virus berkenaan tidak menular ke seluruh pelosok negara bagi mencegah penularan COVID-19. Keutamaan pemeliharaan nyawa disebutkan oleh firman Allah Ta'ala:

﴿حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ وَالْمُتَرَدِّيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا بِالْأَزْلَمِ ذَلِكُمْ فَنسُقُ الْيَوْمَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَخْشَوْهُمْ وَاخْشَوْنَ الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا فَمَنِ اضْطُرَّ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ﴾

Maksudnya, “Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, (daging haiwan) yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang terpukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu

menyembelihnya, dan (diharamkan bagimu) yang disembelih untuk berhala. Dan (diharamkan juga) mengundi nasib dengan anak panah, (mengundi nasib dengan anak panah itu) adalah kefasikan. Pada hari ini orang-orang kafir telah putus asa untuk (mengalahkan) agamamu, sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada-Ku. Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Ku-cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah Ku-redhai Islam itu menjadi agamamu. Maka barang siapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang” (al-Quran. Al-Maidah: 3).

Ayat di atas menjelaskan bahawa Allah SWT memberi rukhsah (kelonggaran) kepada umat Islam untuk mengambil makanan yang diharamkan kerana ingin menyelamatkan nyawa. Menurut Hasbullah (1997), meminum arak adalah harus pada ketika keadaan terpaksa kerana memelihara nyawa dan ketika keadaan terlalu dahaga. Hal ini kerana memelihara nyawa adalah diutamakan daripada memelihara akal. Dan diharuskan juga membinasakan harta orang lain apabila dipaksa supaya berbuat sedemikian kerana memelihara nyawa pada ketika itu juga diutamakan daripada memelihara harta.

### **Pencegahan Lebih Baik Daripada Pengubatan**

Pencegahan penularan virus COVID-19 adalah lebih baik daripada mengubatnya. Pematuhan terhadap undang-undang yang dibuat oleh pihak pemerintah bagi menjaga kemaslahatan nyawa rakyat juga menjadi wajib. Mengelak dan menjauhkan diri dari lokasi yang dikenalpasti dan diklasifikasi sebagai kawasan merah (*red zone*) adalah menepati kehendak *maqasid syari'ah*. Firman Allah Ta'ala:

﴿وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ﴾

Maksudnya, “Dan janganlah kamu mencampakkan diri kamu ke lembah kebinasaan” (al-Quran. al-Baqarah: 195).

Ayat di atas bermaksud bahawa memasuki kawasan yang dikenalpasti menjadi punca penularan COVID-19 dikira sebagai mencampakkan diri ke lembah kebinasaan. Sekiranya, seorang individu telah mendapat berita tentang penularan virus COVID-19 pada suatu kawasan, sedangkan dia belum memasukinya maka tidak diharuskan baginya

memasuki kawasan tersebut sebagai langkah pencegahan awal. Sekiranya, individu berkenaan sudah berada pada kawasan yang dikenalpasti sebagai kawasan penularan virus berkenaan pula, maka tidak diharuskan baginya meninggalkan kawasan itu. Ia bertujuan agar virus berkenaan tidak merebak ke kawasan yang lain. Abu Sa'id al-Khudri meriwayatkan:

{أن رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم قال: لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ}

Maksudnya, “*Tidak harus mendatangkan mudarat dan memberi kemudaratn kepada orang lain*” (Hadis. Ibn Majah. *Bab Man Bana fi Haqqihi ma Yadhurru Bijarihi*. 2340).

Intisari maksud hadis di atas ialah Islam melarang perbuatan yang boleh memudaratkan diri sendiri dan mendatangkan kemudaratn awam. Maka, individu yang berada dalam lokasi yang dijangkiti dengan wabak COVID-19 tidak diharuskan keluar dari kawasan itu. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang menyebutkan:

"إِذَا تَعَارَضَ مُفْسَدَتَانِ رُوعِي أَعْظَمُهُمَا ضَرَرًا بِإِتِّكَابِ أَحَقِّهِمَا"

Maksudnya, “*Apabila bertentangan dua mafsadah (kerosakan), maka harus diraikan (ditinggalkan) kerosakan yang lebih besar dengan melakukan kerosakan yang lebih ringan mudaratnya*” (al-Zarqā, 1996).

Rasulullah SAW turut memerintahkan agar mereka yang sihat untuk tidak berhubungan dengan individu yang menghidapi penyakit berjangkit. Para ulama telah menjadikan perintah Rasulullah SAW sebagai asas untuk merumuskan bahawa mencegah diri dari dijangkiti sesuatu penyakit adalah lebih diutamakan berbanding merawat diri daripada sesuatu penyakit.

Mencegah penularan virus jangkitan daripada diri sendiri atau pihak lain adalah dipuji oleh syara'. Ini kerana mencegah jangkitan virus lebih baik daripada berusaha untuk menyembuhkannya, dan menolak kemudaratn sebelum berlaku atau menghalangnya daripada merebak juga menjadi wajib. Oleh itu, menolak mudarat lebih mudah dari mengangkatnya, atau mencegah penyakit pula lebih baik daripada mengubatnya (al-Zarqā, 1996; al-Zarqā, 2012; al-Bugha & Mistu, 2007). Menurut kaedah fiqh:

"الضَّرَرُ يُدْفَعُ بِقَدْرِ الْإِمْكَانِ"

Maksudnya, “Kemudaratan perlu ditolak dengan kadar yang mungkin” (al-Zarqā, 1996).

Kaedah fiqh berkenaan menerangkan bahawa semua kemudaratan mestilah ditolak dengan semaksima yang mungkin. Sekiranya tidak mampu bagi menolak semua kemudaratan berkenaan maka hendaklah menolaknya dengan kadar minima yang mungkin (al-Zarqā, 1996). Ini kerana syara’ tidak mentaklifkan ke atas seseorang suatu perintah atau larangan yang diluar daripada kemampuan.

### Ujian Saringan Sebagai Pencegahan Penularan Rantaian COVID-19

Ujian saringan merupakan salah satu daripada medium untuk mengenalpasti individu yang positif atau bebas COVID-19. Apabila ujian saringan dilakukan ke atas mana-mana individu kemudian didapati positif COVID-19 maka kerajaan mempunyai Piawai Prosedur Operasi (SOP) bagi menahan individu berkenaan untuk dikuarantinkan. Tujuan kuarantin dibuat adalah bagi memastikan supaya pesakit berkenaan dapat ditempatkan di unit rawatan pesakit selain mencegah wabak daripada terus merebak.

Oleh itu, kuarantin merupakan salah satu daripada kaedah bagi mematikan rantaian COVID-19 daripada terus merebak. Kaedah kuarantin yang dilaksanakan oleh badan pencegahan virus berkenaan adalah menepati dengan kaedah fiqh yang menyebutkan:

"الضَّرَرُ يُزَالُ"

Maksudnya, “Kemudaratan wajib dihilangkan” (al-Suyuti, 1983; al-Zarqā, 1996).

Berdasarkan kepada kaedah yang disebutkan di atas, maka individu yang dikenalpasti positif COVID-19, tidak harus dicampurkan dengan masyarakat awam yang bebas daripada wabak berkenaan. Ini kerana apabila individu berkenaan tidak dikuarantinkan, dibimbangi virus akan menjadi asbab kepada penularan wabak berkenaan. Sehubungan dengan itu, Abu Hurairah meriwayatkan:

{عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا يُورَدُ الْمُمْرِضُ عَلَى الْمُصِحِّ}

Maksudnya, “Tidak harus mendatangkan unta yang sakit kepada unta yang sihat” (Hadis. Muslim. Bab La ‘Adwa wa La Tiyyarata wa La Hamata wa La Safara wa La Nu’ wa La Ghawl wa La Yurid Mumrid ‘ala Musahhen’. 2221).

## PENUTUP

Pencegahan penularan virus corona (COVID-19) merupakan isu global yang perlu ditangani oleh semua pihak. Justeru, tanpa kerjasama yang baik tidak mungkin isu berkenaan dapat diatasi dengan cepat dan pantas. Artikel ini telah mengupas serba sedikit tentang pencegahan penularan COVID-19 yang telah dilaksanakan oleh pemerintah dan tanggungjawab sosial menurut perspektif Islam. Mengamalkan langkah-langkah pencegahan dari dijangkiti penyakit berjangkit adalah amat penting dalam usaha untuk memenuhi tuntutan agama untuk menjaga dan memelihara nyawa.

Mencegah penularan wabak COVID-19 adalah selaras dengan prinsip *maqasid syari'ah*. Memelihara nyawa merupakan salah satu daripada lima perkara asas tujuan pensyariatkan dalam Islam. Kerajaan merupakan pemimpin bagi setiap rakyatnya, dan mestilah bertanggungjawab memastikan nyawa rakyat terselamat. Oleh itu, kerajaan mestilah mempunyai inisiatif untuk mencegah penularan COVID-19. Tindakan kerajaan mengurangkan pergerakan sosial seperti PKP adalah selari dengan kaedah fiqh yang menyebutkan:

تَصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مُنَوِّطٌ بِالْمَصْلَحَةِ

Maksudnya, “Tindakan pemerintah dalam mengendalikan urusan rakyat adalah terkait dengan maslahah” (al-Suyuti, 1983).

## RUJUKAN

Berita Harian, Terkini COVID-19, (18 April 2020)

al-Bugha, Mustafa & Mahyuddin Mistu. 2007. *al-Wafi fi Sharh al-Arba'in al-Nawawiyah*. Damascus: Dar al-Kalim al-Tayyeb.

al-Bukhariyy, Abu Abdillah Muhammad bin Ismail. 1974. *Sahih al-Bukhariyy*. Kaherah: Dar wa Mutabi' al-Sha'b.

al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1991. *Fiqh al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Fikr.

al-Mawardi, Abu Hassan 'Ali. 1994. *al-Hawi al-Kabir*, Beirut: Dar al-Fikr,.

- al-Mawardi, Abu Hassan <sup>ʿ</sup>Ali. 1996. *al-Ahkam al-Sultaniyah wa al-Wilayat al Dinniyyah*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Nawawi, Mahyuddin Abu Zakaria. 1991. *Rawdhat al-Talibin wa <sup>ʿ</sup>Umdat al-Muftin*. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- al-Nawawi, Mahyuddin Abu Zakaria. 1996. *Sharh Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Khair.
- al-Shatibi, Abu Ishak. 1996, *al-Muwafaqat fi Usul al-Sharciah*. Beirut: *Dar al-Ma<sup>ʿ</sup>rifah*.
- al-Suyuti, Jalaluddin. 1983. *al-Asybah wa al-Nazair*. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>ʿ</sup>Ilmiyah.
- al-Zuhayli, Wahbah. 1997. *Nazariyat al-Darurah al-Shar<sup>ʿ</sup>iyyah*. Damascus: Dar al-Fikr.
- Hasbullah, <sup>ʿ</sup>Ali. 1997. *Usul al-Tasyri<sup>ʿ</sup> al-Islami*. Kaherah: Dar al-Fikr al-<sup>ʿ</sup>Arabī.
- Ibn Abdul Salam, <sup>ʿ</sup>Izzuddin. 1990. *Qawa<sup>ʿ</sup>id al-Ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Muassasat al-Rayyan.
- Ibn <sup>ʿ</sup>Asyur, Muhammad al-Tahir. 2010. *Maqasid Shari<sup>ʿ</sup>ah al-Islamiyyah*. Kuala Lumpur: al-Basair.
- Ibn Taimiah, Ahmad bin Abdul Halim. (t.t). *al-Siyasat al-Shar<sup>ʿ</sup>iyyah fi Islah al-Ra<sup>ʿ</sup>iy wa al-Ra<sup>ʿ</sup>iyyah*. Iskandariah: Dar al-Iman.
- al-Zarqā, al-Sheikh Ahmad bin al-Sheikh Muhammad. 1996. *Sharh Qawa<sup>ʿ</sup>id al-Fiqhiyyah*. Damascus: Dar al-Qalam.
- al-Zarqā, Mustafa Ahmad. 2012. *al-Madkhal al-Fiqhi al-<sup>ʿ</sup>Am*. Damascus: Dar al-Qalam.
- Sameni, Reza. 2020. *Mathematical Modeling of Epidemic Diseases; A Case Study of the COVID-19 Coronavirus*, Kertas Kerja. Cornell University. <https://arxiv.org/pdf/2003.11371.pdf>. hlm. 1-11 (diakses pada 12 April 2020).